

Kedudukan Wasiat Sebagai Satu Hak Harta Peninggalan menurut al-Quran

BITARA

Volume 4, Issue 4, 2021: 165-180
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

The Position of a Will as The Islamic Rights of Inheritance according to The Qur'an

Mohd Ali Mohd Yusuf¹ & Basri Ibrahim¹

Abstrak

al-Quran telah menetapkan kadar-kadar harta pusaka kepada waris dengan jelas di dalam surah al-Nisa'. Manakala wasiat pula disebut seiring dengan ayat-ayat berkaitan harta pusaka. Ia menunjukkan hubungan yang relevan di antara wasiat dengan harta pusaka dalam mengurus harta si mati. Kajian bertujuan meneliti kedudukan wasiat sebagai satu hak daripada hak-hak harta peninggalan si mati, hubungannya dengan harta pusaka dan keutamaan pelaksanaannya menurut surah al-Nisa. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dilaksanakan melalui metode dokumentasi dengan meneliti dan menghurai ayat-ayat pusaka di dalam surah al-Nisa'. Kaedah analisis induktif, deduktif dan historikal digunakan untuk menganalisis pensyariaan wasiat di dalam al-Quran, kedudukan dan hubungannya dengan harta pusaka. Hasil kajian merumuskan wasiat adalah satu mekanisme penting yang membenarkan si mati menggunakan sebahagian harta peninggalannya selepas kematian. Kedudukan hak wasiat adalah sama dengan hak harta pusaka sebagai satu hak-hak harta peninggalan, namun dari sudut perlaksanaan hak wasiat didahulukan berbanding pembahagian pusaka. Konsep wasiat ini perlu didedahkan kepada masyarakat Islam agar kedudukan dan peranannya dapat difahami dengan lebih mendalam terutama ketika menguruskan pembahagian pusaka. Ia turut dapat membantu masyarakat Islam menilai keperluan menggunakan produk wasiat yang ada di pasaran sebagai alternatif untuk membantu menguruskan harta selepas kematian.

Kata kunci:

Wasiat, pusaka, harta peninggalan, surah al-Nisa' dan al-Quran.

Abstract

The Qur'an has allocated the proportion of inheritance for heirs clearly in surah al-Nisa. The will has been mentioned in line with the verses related to inheritance. It shows the relevance between the will and the Islamic inheritance in managing the estate of the deceased. This study's aims are to examine the position of the will as one of the Islamic rights of inheritance of the deceased's estate, its relationship to the estate and the priority of its implementation according to surah al-Nisa. This study is a qualitative study conducted through the method of documentation by examining the verses of inheritance in surah al-Nisa'. Meanwhile the inductive, deductive and historical methods of analysis are used to analyze the provision of wills in the Qur'an, its position and relationship with inheritance. The results of this study conclude that the will is an important mechanism that allows the deceased to use part of his estate after death. The position of the will and inheritance is the same in the Islamic rights of inheritance, but from the point of view of the implementation, the will takes precedence over the division of inheritance. The concept of the will needs to be conveyed to the Muslim

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Corresponding Author:

MOHD ALI MOHD YUSUF, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

*e-mel: abuhannan@unisza.edu.my

community so that its position and role can be understood in depth, especially when managing the division of inheritance. It can also help the Muslim community in assessing the need to use will products available in the market as an alternative to help managing property after death.

Keywords:

will, estate, the rights of inheritance, surah al-Nisa 'and al-Quran

Cite This Article:

Mohd Ali Mohd Yusuf & Basri Ibrahim. 2021. Kedudukan wasiat sebagai satu hak harta peninggalan menurut al-Quran. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(4): 165-180.

Pengenalan

Umat Islam secara kolektif meyakini al-Quran adalah mukjizat yang kekal dan tekal berhadapan dengan massa sehingga ke hari kiamat. Ia menjadi hujah kepada ulama ketika perdebatan dan senjata untuk membentengi umat Islam dari kesesatan. Menurut Manna' al-Qattan (1995), al-Quran adalah satu mukjizat yang kekal sepanjang zaman di mana semakin berkembang ilmu pengetahuan semakin kukuh bukti kemukjizatannya. Antara keistimewaan al-Quran ialah kebanyakan ayat-ayatnya berbentuk kaedah umum dan hukum yang bersifat menyeluruh, bukan membicarakan perkara tertentu (*juz' iyyat*), terperinci atau menerangkan bentuk suruhan (*kaifiyyat*) kecuali perkara yang tetap tidak berubah walaupun berubah masa dan tempat seperti hal berkaitan ibadat, nikah-ceraai dan perwarisan pusaka (al-Qaradawi, 1981). Keadaan ini menyebabkan al-Quran kekal relevan sepanjang masa sebagai dasar dan pegangan kepada umat manusia untuk mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup.

Hak pusaka antara hukum di dalam al-Quran yang dijelaskan dengan terang tanpa berselidung. Sebahagian ulama berpendapat ayat-ayat harta pusaka merupakan ayat *Muhkam* iaitu bersifat teguh maknanya, sempurna tanpa perlu dijelaskan kekurangannya (al-Sayuti, 1967), hukumnya kekal kerana kadar-kadar pusaka kepada waris adalah tetap menurut pembahagian faraid tanpa boleh ditakwil mengikut kesesuaian masa, tempat dan budaya. Ini kerana hak waris dengan kadar satu perdua, dua pertiga dan sebagainya adalah angka-angka yang bersifat faktual dan empiris. Namun dalam membicarakan perkara yang objektif ini, al-Quran menutup ayat-ayat tentang pusaka di dalam surah al-Nisa: 11 dan 12 dengan pesanan melaksanakan wasiat dan melunaskan hutang si mati. Ia secara tersurat dan tersirat menggambarkan betapa pentingnya hukum wasiat dalam konteks sebagai satu hak yang perlu ditunaikan oleh waris andainya si mati meninggalkan wasiat yang *syar'i* dan sah.

Melihat kepada peranan wasiat dan situasi umat Islam di Malaysia pada hari ini yang berhadapan isu kegagalan sebahagian besar ahli waris menyelesaikan pusaka si mati dengan cepat yang menyebabkan berbillion harta orang Islam tidak cair di pasaran, timbul usaha pihak yang bertanggungjawab seperti Amanah Raya Berhad (ARB) dan Syarikat- syarikat Amanah serta institusi-institusi bank memperkenalkan produk wasiat dan penulisan wasiat sebagai satu mekanisme menangani isu berbangkit. Walau bagaimanapun keghairahan penawaran produk ini tidak disertai dengan pendedahan mencukupi kepada orang Islam tentang kedudukan wasiat dan peranannya sebagai salah satu hak-hak harta peninggalan seperti yang dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam al-Quran.

Ini menyebabkan timbul kekeliruan antara hukum wasiat yang disebut di dalam surah al-Nisa, dan *wisayah* yang merupakan aplikasi pengamanahan harta bertujuan mengurus pesanan si mati (Naziree, 2008). Melalui ruangan surat dan e-mel, *Berita Harian* seorang pembaca menyatakan wasiat hanya sesuai untuk orang bukan Islam, kerana Akta Wasiat 1959 terpakai kepada non muslim sahaja, manakala bagi orang Islam masih terikat dengan hukum wasiat yang tidak membenarkan si mati berwasiat melebihi satu pertiga atau berwasiat kepada waris sendiri (Jun Dasima Zainal, 2007). Wasiat melebihi satu pertiga atau kepada waris sendiri hanya terpakai dari sudut perundangan dengan keizinan semua waris yang berhak ke atas harta pusaka. Utusan online di ruangan rencana pula telah menerbitkan satu artikel meminta masyarakat berwaspada ketika berwasiat kerana terdapat aduan oleh waris terhadap dokumen wasiat yang tidak banyak membantu menyelesaikan kes pusaka seperti yang didakwa oleh agen penulis wasiat (Ikbil Salam, 2009). Sehubungan dengan itu, majoriti umat Islam di Malaysia didapati masih ragu- ragu untuk menggunakan khidmat produk amanah seperti penulisan wasiat dan hibah. Laporan Bernama (2010) oleh akhbar *Utusan Malaysia* menyebut hanya lima peratus (5%) umat Islam ada wasiat. Ada juga pihak yang mendakwa keadaan ini berpunca daripada sikap *procrastinate* orang Islam yang suka menunggu dan menangguh sesuatu pekerjaan (*Utusan Malaysia*, 2011).

Kajian ini bertujuan meneliti semula kedudukan dan peranan wasiat yang terdapat pada ayat harta pusaka seperti yang disebut al-Quran di dalam surah al-Nisa' ayat 11 dan 12. Penggalan khazanah dari al-Quran ini mampu memberi pendedahan dan panduan kepada masyarakat untuk terus menghayati hikmah pensyariatan hukum wasiat sebagai satu mekanisme pengurusan harta selepas mati yang kekal relevan menyelesaikan isu umat Islam merentas masa dan zaman.

Sorotan Literatur

Masyarakat jahiliah mewariskan harta si mati kepada individu yang disukai tanpa garis panduan khusus siapa yang lebih layak atau berhak ke atasnya. Menggunakan kaedah wasiat sebagai satu cara pemilihan tersebut, ia akan diberi kepada seseorang yang mampu mempertahankan kabilah mereka daripada musuh tanpa mengira hubungan kekeluargaan antara pewasiat (si mati) dengan penerimanya. Dengan itu secara umumnya masyarakat Arab jahiliah sebelum kedatangan Islam telah mengetahui kaedah wasiat, malah kebanyakan umat manusia di dunia ini telah memiliki kaedah yang digunakan untuk membahagikan harta orang mati (Ali al-Khafif, 2010).

Kaedah wasiat turut digunakan oleh orang Islam bagi tujuan perwarisan terutama ketika Rasulullah s.a.w. diutuskan di Mekah dan di awal hijrah. Walaupun ayat-ayat pusaka di dalam surah al-Nisa' (4: 11, 12 & 176) diturunkan di Madinah, namun wasiat masih dikekalkan sebagai satu hak-hak harta peninggalan. Oleh kerana itu, hukum wasiat telah dibahaskan di dalam kitab-kitab fekah mazhab sejak dari awal perkembangan hukum Islam. Merujuk kepada kitab-kitab fekah yang muktabar oleh mana-mana mazhab, pasti akan berjumpa bab yang membicarakan pensyariatan wasiat secara terperinci bermula dari takrifan sehingga kepada isu-isu *juz' iyyat* yang bersifat khusus. Penjelasan mengenai hukum wasiat tidak terhenti di dalam kitab fekah sahaja, bahkan sebahagian ulama telah berusaha menghasilkan penulisan mengenai wasiat

secara berasingan lebih-lebih lagi ulama kontemporari. Ini berikutan pada tahun 40 - 50an terdapat negara Islam seperti Syria dan Mesir yang telah meluluskan enakmen *wasiyyah wajibah* sebagai undang-undang bagi mengatasi isu-isu yang berbangkit.

Antara yang mengambil langkah awal dalam penulisan hukum wasiat ini ialah Muhammad Abu Zahrah (1950) yang membincangkan dengan terperinci undang-undang wasiat Mesir dalam kerangka ilmu fekah melalui penulisannya yang bertajuk *Sharh Qanun al-Wasiyyah Dirasah Muqaranah li Masadirihi al-Fiqhiyyah*. Saleh Abdul Rahman al-Atram (1987) pula berusaha mengumpulkan hukum hakam wasiat menurut syariat Islam di dalam bukunya bertajuk *al-Wasiyyah Bayanuha wa Abrazu Ahkamiha*. Menariknya di dalam pengantar buku tersebut penulis menyebut antara tujuan beliau menulis tentang wasiat kerana ia mampu mengingatkan manusia kepada kematian.

Seterusnya Sheikh Ali al-Khafif (2010) membuat kajian perbandingan antara hukum wasiat Islam dengan undang-undang wasiat Mesir 1946, melalui buku beliau yang berjudul *Ahkam al-Wasiyyah Buhuth Muqaranah Tadammnat Sharh Qanun al-Wasiyyah 71 li Sanah 1946*. Manakala Sulaiman al-Jasir (2013) turut mengumpulkan perbincangan di dalam penulisan yang berjudul *Lamhat Muhimmah fi al-Wasiyyah*. Kajian secara ilmiah berkaitan aplikasi hukum wasiat seperti pelaksanaan *wasiyyah wajibah* turut dilaksanakan oleh Ra'im Adil al-Az'ar bertajuk *al-Wasiyyah al-Wajibah Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah* untuk tesis sarjana (tidak diterbitkan) di Universiti Islam, Gaza tahun 2008. Pendekatan yang digunakan di dalam penulisan di atas boleh disimpulkan terbahagi kepada dua, iaitu sama ada mengumpul hukum-hakam wasiat menurut perbincangan fekah semata-mata, atau membuat kajian perbandingan antara hukum wasiat Islam dan undang-undang wasiat yang diguna pakai oleh Negara Islam. Manakala bagi situasi di Malaysia pula, keghairahan penawaran produk wasiat telah menarik minat penulis-penulis untuk menerbitkan bahan bacaan umum kepada masyarakat. Topik-topik yang dibincangkan banyak berkisar mengenai kepentingan menulis wasiat sebagai satu kaedah merancang harta selepas mati seperti penulisan oleh Mohd Fitri bin Abd. Rahman dan Md Ghazali Ibrahim. Isu-isu wasiat ini juga turut menarik minat ahli akademik dan pengkaji untuk membuat kajian, membenteng kertas kerja dan menghasilkan penerbitan ilmiah bagi tujuan rujukan. Antaranya artikel yang diterbitkan dalam Jurnal Muamalat oleh Naziree (2008) yang bertajuk *Hukum Wasoyah & Realiti Permasalahannya dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam*. Mohd Zamro Muda (2008) turut mengupas isu aplikasi wasiat di Malaysia melalui kertas pembentangan yang bertajuk *Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia yang dibentangkan di dalam Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008* anjuran Jabatan Kebajikan Islam Malaysia (JAKIM) pada 7 Ogos 2008. Selain itu, Kasimah Kamaruddin dan Md Yazid Ahmad (2012) telah menerbitkan hasil kajian mengenai kefahaman orang Islam di Melaka mengenai wasiat di dalam Jurnal Islamiyyat. Walau bagaimanapun penulisan-penulisan di atas tidak mengaitkan wasiat sebagai satu hak harta peninggalan di samping hak waris di dalam pusaka secara khusus.

Perbincangan mengenai wasiat sebagai satu hak daripada hak-hak harta peninggalan secara khusus dijelaskan sebagai satu topik di dalam bab faraid bertajuk *al-Huquq al-Mucaliqah bi al-Tarikah*. Walaupun begitu, hukum-hakam berkaitan wasiat seperti rukun, kaedah wasiat dan sebagainya tidak diperincikan dalam perbincangan ini kerana perbincangan telah dibuat dalam bab wasiat di dalam kitab-kitab fekah. Lantaran itu perbincangan mengenainya tidak perlu diulang. Sesuai dengan perkembangan semasa, hak-hak harta

peninggalan perlu diulas secara ilmiah dengan lebih terperinci termasuk hak wasiat. Oleh kerana itu, lahirlah penulisan yang lebih jelas tentang kedudukan dan peranan hak wasiat sebagai satu hak-hak harta peninggalan. Antara ulama komtemporari yang menyentuh isu ini di dalam penulisannya ialah Muhammad Abu Zahrah (1963) melalui bukunya *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith*, Sheikh Muhammad Mustafa Shalabi (1967) di dalam buku beliau *Ahkam al-Mawarith bayna al-Fiqh wa al-Qanun*. Selain itu,

Kajian ilmiah peringkat doktor falsafah (tidak diterbitkan) tentang hak-hak harta peninggalan dihasilkan oleh Isma'e Ali bertajuk *al-Huquq al-Mutacalliqah bi al-Tarikah* di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi tahun 1405H dan Hasan Nikmah Yasir bertajuk *al-Huquq al-Mutacalliqah bi al-Tarikah: Dirasah Muqaranah bayna al-Fiqh al-Islamiyy wa al-Qanun al-Muqaran* di Universiti Baghdad, Iraq tahun 2005. Kajian peringkat sarjana (tidak diterbitkan) turut dilaksanakan oleh Mohd Ali Mohd Yusuf (2013) bertajuk Pengetahuan Masyarakat Islam di Pulau Duyong, Kuala Terengganu terhadap Hak-hak Harta peninggalan di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. Penulisan--penulisan ini secara tidak langsung telah membincangkan hukum wasiat dengan lebih mendalam sebagai salah satu hak-hak harta peninggalan.

Berdasarkan kajian dan hasil penulisan berkaitan wasiat, dapat disimpulkan doktrin hukum wasiat dan kedudukannya sebagai satu hak-hak harta peninggalan dalam khazanah *al-fiqh al-Islami* telah hampir sempurna dikumpulkan oleh para ulama dan cendekiawan Islam dahulu dan sekarang. Walaupun begitu, masih terdapat ruang yang boleh diisi untuk meneliti dan mengupas peranan ayat-ayat al-Quran dalam membicarakan tentang wasiat dan peranannya dalam konteks sebagai mekanisme mengurus harta si mati. Bagi mengisi ruang tersebut, kajian ringkas ini dibuat bagi melihat kedudukan dan peranan wasiat di dalam surah al-Nisa' sebagai satu hak-hak harta peninggalan.

Perkataan Wasiat dalam al-Quran dan Jenis-jenisnya

Menurut Ibrahim Mustafa et.al.(1972) perkataan *wasiyyah* berasal dari Bahasa Arab diambil dari kata dasar *Wasa, Yasi* yang bermaksud menghubungkan dan menyampaikan. Manakala al-Nasafi (1986) pula mengatakan ia adalah kata nama daripada kata kerja *Awsa, Yusi, Isa'* dengan maksud memberi milik kepada seseorang daripada hartanya. Menurut Sirman Dahwal (2009) secara umumnya perkataan wasiat disebut dalam al-Quran sebanyak 9 kali dalam bentuk kata dasar, dalam bentuk kata kerja disebut sebanyak 14 kali, dalam bentuk kata benda jadian sebanyak 2 kali. Keseluruhannya perkataan *wasiyyah* disebut sebanyak 25 kali di dalam al-Quran. al-Quran menggunakan kata dasar bagi lafaz wasiat untuk dua perkara, iaitu pertama minta dilaksanakan semasa hidup seperti ayat surah al-Ahqaf (46:15), surah al-An'am (6:153), surah al-Baqarah (2:132), surah al-Nisa'(4:11) dan surah al-Ma'idah (5:106) di mana kata kerja transitif aktif (*muta'adi*) ini dilengkapi dengan perkara yang diminta itu sendiri atau dilengkapi kata penyambung 'dengan', kedua minta dilaksanakan selepas mati kebiasaannya kata kerja transitif aktif ini dilengkapi dengan kata penyambung 'untuk' dan 'kepada' seperti katanya 'diwasiat untuk si fulan' atau 'diberi wasiat kepada si fulan' dan umpama ayat di dalam surah al-Baqarah (2:180) (Ali al- Khafif, 2010).

Dari sudut maknanya pula, didapati al-Quran telah menggunakan kata dasar daripada perkataan wasiat dan kata terbitan daripadanya dengan berbagai maksud, justeru itu Allah S.W.T telah mengulang perkataan ini di banyak tempat dalam al-Quran. Sebagai contoh kata kerja dengan lafaz *Wassa*, kebiasaannya membawa maksud pesan memesan atau nasihat menasihati. Antaranya seperti firman Allah S.W.T yang bermaksud: Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu Dalam keadaan Islam (al-Baqarah 2: 132).

Manakala bagi kata kerja dengan lafaz *Yusi* pula, kebanyakannya akan membawa maksud perintah, arahan dan suruhan jika lafaz itu digunakan di awal ayat sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud: Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan (al-Nisa' 4: 11).

Adapun kata kerja dengan lafaz *Yusi*, *Yusa*, *Yusina*, *Tusuna* jika di dahului dengan lafaz *wasiyyah* (kata nama), maka kebiasaannya membawa maksud memberi milik kepada seseorang selepas kematian. Contohnya seperti firman Allah S.W.T yang bermaksud:

Sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. dan bagi mereka (isteri-isteri) pula satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah satu perempat dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam. kalau pula mereka (saudara-saudara Yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-warisi) (al-Nisa' 4: 12).

Sekiranya menggunakan kata nama dengan lafaz *Wasiyyah* sahaja maka kebiasaannya sama ada bermaksud memberi milik seperti yang dijelaskan di atas atau bermaksud ketetapan dan peringatan seperti mana firman Allah S.W.T yang bermaksud: Wahai orang-orang Yang beriman! apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang Yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seagama) Dengan kamu, jika kamu Dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa bencana sakit yang membawa maut (al-Ma'idah 5: 106).

Dan dengan maksud ketetapan dan peringatan dari Allah S.W.T seperti firmanNya yang bermaksud: (tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar (al-Nisa' 4: 12).

Secara ringkas bolehlah disimpulkan bahawa penggunaan lafaz *wasiyyah* atau wasiat dan penggunaan kata kerja *Awsa*, *Yusi* di dalam al-Quran secara umumnya bermaksud hak wasiat yang disyariatkan sebagai satu hak-hak harta peninggalan. Justeru itu lafaz- lafaz ini telah diulang pada ayat pusaka di dalam surah al-Nisa (4: 11 & 12) iaitu dalam dua ayat ini sahaja sebanyak sepuluh (10) kali, dan hak perhutangan (*Dayn*) pula hanya diulang sebanyak empat (4) kali. Manakala kata kerja dengan lafaz *Wassa* pula banyak digunakan bagi menunjukkan pesanan supaya beriman dan berpegang dengan agama Allah seperti ayat-ayat di dalam surah al-An'am (6:144, 151,152 &153), berbuat baik kepada kedua ibubapa seperti ayat di dalam surah al-Ankabut (29:8), Luqman (31:14), al-Ahqaf (46:15), dan melaksanakan perintah Allah seperti di dalam surah Maryam (19:31).

Berdasarkan kepada penggunaan lafaz wasiat di dalam al-Quran dan maksudnya seperti yang dibincangkan di atas, wasiat boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu;

- a. Wasiat dengan maksud memberi milik (*al-tamlik*) kepunyaannya (*al-Musa bihi*) dari harta peninggalan selepas kematian. Wasiat ini yang disebut bersama ayat-ayat pusaka, merupakan satu hak daripada hak-hak harta peninggalan yang wajib dilaksanakan oleh waris si mati selepas menyelesaikan hak-hak perhutangan (*haq al-Dayn*) dan sebelum membahagi hak pusaka (*haq al-Irth*) kepada waris-waris yang berhak ke atasnya.
- b. Wasiat dengan maksud berpesan dan menunaikan janji (*al-ahdiyyah*) untuk berbuat sesuatu. Ia selari dengan konsep pengamanahan bertujuan merancang untuk kebaikan dan kebajikan. Konsep ini yang dimaksudkan sebagai *Wisoyah* (Naziree, 2008) dan telah dijelaskan oleh Mustafa al-Khin et.al. (1992) sebagaimana berikut: “pegangan amanah ialah penyerahan hak oleh seorang lelaki sebelum kematiannya untuk penjagaan (kebajikan) anak, atau pelaksanaan wasiat, atau pelupusan hutang, atau pemulangan barang pinjaman kepada seorang yang amanah lagi dipercayai”

Pensyariatkan Pusaka dan Wasiat dalam Surah al-Nisa'

Antara ciri-ciri syariat Islam ialah menekankan kepada kesaksamaan dan keadilan sosial kepada manusia tanpa mengira pangkat, ras, warna kulit dan jantina. Sebelum kedatangan Islam, golongan lemah terutama wanita dan kanak-kanak didiskriminasi dalam banyak perkara termasuk hak pusaka dan wasiat kerana tidak mampu berperang dan menjaga kabilah sendiri daripada serangan. Oleh itu Allah S.W.T telah memerintahkan agar kemaslahatan golongan ini turut dijaga dan dipelihara di dalam al-Quran secara khusus melalui penurunan ayat-ayat pusaka dan wasiat di dalam surah al-Nisa'.

Pengenalan Surah al-Nisa'

Surah al-Nisa' adalah surah keempat mengikut turutan susunan surah-surah di dalam al- Quran. Mengandungi 176 ayat kebanyakannya mengenai hukum berkaitan wanita. Menurut al-Sabuni (1988) surah ini satu surah yang diturunkan di Madinah (Madaniyyah) iaitu selepas peristiwa hijrah, dipenuhi dengan hukum-hakam syarak yang mengatur hal ehwal dalaman dan hubungan luar, membahaskan isu penting berkaitan kekeluargaan, wanita, kemasyarakatan dan negara,

namun kebanyakan hukumnya berkisar tentang hak-hak wanita justeru itu dinamakan surah al-Nisa'. Menurut Mustafa ibn al-cAdawi (2001) pula, dinamakan surah al-Nisa' kerana di dalam surah ini Allah S.W.T telah menyebut perkataan al-Nisa' yang bermaksud wanita, halnya seumpama penamaan surah al-Baqarah dan surah al-Maidah.

Sesuai dengan namanya, dasar umum yang ditonjolkan di dalam surah ini ialah untuk menjaga kebajikan golongan yang lemah. Sehubungan dengan itu ia membincangkan mengenai hak-hak wanita yang lemah khususnya anak yatim di bawah jagaan wali atau wasi agar anak ini diberi hak penuh dalam pusaka, pemilikan, perkahwinan, wasiat dan lain- lain, seterusnya kebajikan janda yang perlu dipelihara kehormatan dan penampilan mereka, pemberian mas kahwin dan hak pusaka, serta bergaul elok, menghormati dan bertolak ansur dalam perhubungan rumah tangga, sebagaimana ia turut membahaskan tentang hukum pusaka secara terperinci bertunjangkan keadilan, menjaga *maslahah* dan mengelak daripada kezaliman atau melampaui batas (al-Sabuni, 1988).

Sehubungan dengan itu, antara sebab penurunan ayat-ayat pusaka dan wasiat ini adalah bertujuan untuk memelihara hak wanita dan kanak-kanak. Antaranya seperti yang dijelaskan oleh al-Naisaburi (1987):

Ulama tafsir berkata: Sesungguhnya Aus ibn Thabit al-Ansori telah meninggal dunia dan meninggal isterinya Ummu al-Kujjah dan tiga orang anak perempuan. Maka dua orang lelaki bangun, mereka adalah anak saudara sebelah ayah (sepupu) dan wasi (pemegang amanah) si mati dikenali sebagai Suwaid dan Arfajah. Mereka telah mengambil semua harta si mati dan tidak meninggalkan apa-apa untuk isteri dan anak-anak si mati. Sesungguhnya di zaman jahiliah mereka tidak memberi pusaka kepada wanita dan kanak-kanak walaupun kanak lelaki, dan hanya memberi pusaka kepada lelaki dewasa. Mereka berkata: tidak diberi pusaka kecuali lelaki yang berperang di atas kuda dan boleh mengumpul harta rampasan perang. Maka Ummu al-Kujjah telah berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. membuat aduan dengan berkata bahawa Aus ibn Thabit telah meninggal dunia, beliau meninggalkan anak-anak perempuan di bawah jagaanku, dan aku isterinya tetapi aku tidak memiliki harta untuk memberi nafkah kepada mereka dan bapa mereka telah meninggalkan harta yang banyak tetapi telah diambil Suwaid dan Arfajah. Mereka berdua tidak memberi apa-apa daripada harta itu kepadaku dan anak-anak perempuanku sedangkan anak itu di rumahku. Mereka berdua tidak memberi makan, minum kepadaku malah tidak mengangkat muka terhadap anak-anakku. Rasulullah s.a.w. telah memanggil kedua lelaki tersebut, lalu mereka berkata: Wahai Rasulullah s.a.w. anaknya itu tidak menunggang kuda, tidak menanggung kesusahan keluarga, dan tidak berperang menahan musuh. Sabda Rasulullah s.a.w.: Pergilah sehingga Allah S.W.T. memberitahu (wahyu) kepadaku dapat tentang (hal) mereka. Kedua mereka berlalu pergi, setelah itu turunlah ayat dalam surah al-Nisa' (4: 7).

Riwayat di atas jelas menunjukkan antara sebab pensyariatan pusaka dan wasiat di dalam surah al-Nisa' adalah untuk memelihara kebajikan mereka yang lemah daripada dizalimi oleh pihak yang lebih kuat dan berkuasa.

Pengertian Ringkas Ayat 1-13 Surah al-Nisa’ berkaitan Pusaka dan Wasiat

Allah S.W.T memulakan surah al-Nisa’ dengan perintah agar manusia bertakwa kepadaNya sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud: Wahai sekalian manusia! bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri Yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu. (al-Nisa’: 4:1)

Seterusnya dalam ayat yang sama manusia diingatkan bahawa mereka terikat dengan hubungan darah yang sama kerana semuanya berasal dari Adam a.s. Ia selaras dengan dasar al-Quran yang menyeru agar manusia menjalinkan dua perhubungan bagi mencapai kecemerlangan dalam hidup iaitu hubungan dengan Allah S.W.T sebagai pencipta dan hubungan dengan manusia sebagai makhluk yang sama-sama membentuk masyarakat. Ini sebagaimana firman Allah S.W.T. terhadap bani Israel, mencela mereka kerana cuai terhadap dua perhubungan ini: Mereka ditimpakan kehinaan (dari Segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab (perhubungan) dari Allah dan adanya sebab (perhubungan) dari manusia. dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari Segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintah-Nya), dan mereka membunuh para nabi dengan tiada alasan yang benar. semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerobohi (hukum-hukum Allah). (Ali Imran 3: 112)

Membuka surah al-Nisa’ dengan seruan ini amat bertepatan kerana kebanyakan isu- isu yang dibincangkan berkaitan dengan menjaga kebajikan mereka yang lemah dan tidak mampu melawan. Oleh itu, tanggungjawab ini tidak mungkin terlaksanakan jika amanah yang diberi untuk mengurus pemilikan harta, pembahagian pusaka, hak wasiat dan sebagainya kepada golongan lemah, tidak disertai dengan sifat takwa iaitu takut kepada Allah dalam melaksanakannya. Menurut Mustafa ibn al-^cAdawi (2001) Allah S.W.T. menyuruh supaya berlemah lembut dengan kanak-kanak, wanita dan anak yatim di dalam surah ini, dalam masa yang sama mereka diarah melaksanakan suruhan bersuci, solat dan berperang dengan pihak musyrikin, di mana ia adalah satu tanggungjawab yang berat kepada manusia maka dengan itu Allah S.W.T menyeru agar bertakwa kepadaNya dan mengingati mereka bahawa Allahlah yang menciptakan manusia.

Perintah takwa di dalam ayat ini bermaksud agar manusia berhati-hati dengan balasan Allah S.W.T andainya mereka melanggar larangan-Nya atau meninggal suruhan-Nya, kerana mereka akan ditimpa azab yang tiada tolak bandingnya (al-Tabari, 1994). Menurut al-Sabuni (1988) Allah S.W.T. telah mengaitkan takwa dengan penciptaan manusia, seterusnya mengaitkan takwa dengan perhubungan silaturrahim untuk menunjukan peri pentingnya perhubungan sesama manusia. Satu perkara yang menarik, ayat pertama daripada surah al-Nisa’ ini adalah satu-satunya ayat yang diulang seruan takwa sebanyak dua kali. Kesimpulan yang

boleh dibuat bagi perbincangan hak wasiat ialah, sebelum Allah S.W.T. membicarakan mengenai hak-hak pemilikan khususnya hak wasiat dan pusaka di dalam ayat 4:11 & 12, Allah S.W.T. telah memulakan dengan seruan takut kepada-Nya dan memperingatkan tentang pentingnya hubungan sesama manusia. Ia secara tidak langsung memperingatkan kepada waris bahawa hak wasiat sebagai hak-hak harta peninggalan si mati perlu diberi perhatian oleh mereka untuk dilaksanakan selepas kematian pewasiat.

Selepas pesanan takwa ini, pada ayat berikutnya (4:2-6) Allah S.W.T. telah mendahulukan suruhan berbuat kebajikan anak-anak yatim yang dipertanggungjawabkan kepada wali atau wasi sebagai satu bentuk pengamanahan iaitu konsep *wisayah* seperti yang dijelaskan sebelum ini dalam perbincangan makna wasiat. Antara kebajikan yang disentuh oleh Allah S.W.T ialah hak perkahwinan, mas kahwin, pemilikan harta melalui pusaka dan wasiat, penjagaan, dan kesediaan untuk menyerah semula tanggungjawab mengurus harta setelah mereka mampu mentadbirnya. Ayat Seterusnya (4:7) Allah S.W.T. menjelaskan pula konsep keadilan umum terhadap jantina yang membenarkan lelaki dan wanita untuk mewarisi harta peninggalan kedua ibubapa dan kaum kerabat dengan kadar-kadar yang telah ditetapkan. Perintah ini sangat berat bagi orang Arab di peringkat awal Islam yang terikat dengan sosio-budaya masyarakat Jahiliah, kerana mereka tidak memberi pusaka kepada golongan lemah seperti wanita dan kanak-kanak. Perlu diingat, keadilan yang dimaksudkan di sini bukan berbentuk kesamarataan bahagian lelaki dan perempuan tetapi lebih kepada kebertanggungjawaban. Allah S.W.T telah berfirman yang bermaksud: Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; Iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah) (al-Nisa' 4: 7).

Seterusnya di dalam ayat (4:11-12) Allah S.W.T. menerangkan hak-hak harta peninggalan si mati yang perlu dilaksanakan oleh waris selepas kematiannya. Pada dasarnya hak-hak harta peninggalan si mati bolehlah dianggap sebagai hak si mati, kerana kebanyakan hak-hak ini bertujuan untuk menyelesaikan tanggungan si mati sendiri seperti hak perhutangan ke atas hartanya, hak pengurusan jenazahnya, hak ke atas hutang mutlaknya, hak wasiatnya manakala hak waris adalah hak terakhir dilaksanakan melalui pembahagian pusaka. Di dalam ayat-ayat ini, Allah S.W.T. telah menjelaskan tiga hak daripadanya iaitu hak waris, hak wasiat, dan hak perhutangan. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, Iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (pembahagian itu) ialah sesudah

diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Lbu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (al-Nisa' 4: 11).

Menurut al-Sa^cdi (1978) perkataan wasiat yang dimulai di dalam ayat ini ialah suruhan kepada ibu bapa untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak dengan menjaga kemaslahatan agama dan hal ehwal keduniaan mereka dengan mengajar, mendidik, mengawal daripada kerosakan, menyuruh kepada ketaatan dan takwa kepada Allah S.W.T. sebagaimana suruhan Allah S.W.T. di dalam surah al-Tahrim untuk menjaga dan memelihara diri dan keluarga mereka daripada seksaan neraka Allah (66: 6), setelah itu baharu diberi bahagian harta pusaka kepada mereka dengan nisbah 2 : 1 iaitu bahagian seorang anak lelaki bersamaan dengan bahagian dua orang anak perempuan.

Allah S.W.T. telah menetapkan kadar-kadar kepada waris yang berhak dengan sebab pertalian darah iaitu anak perempuan (jika tidak mempunyai saudara lelaki), dan ibu bapa pada kadar dua pertiga ($\frac{2}{3}$), satu perdua ($\frac{1}{2}$), satu perenam ($\frac{1}{6}$) dan satu pertiga ($\frac{1}{3}$). Ayat berikutnya pula ditetapkan kadar kepada waris dengan sebab perkahwinan iaitu suami atau isteri dengan kadar satu perdua ($\frac{1}{2}$), satu perempat ($\frac{1}{4}$) dan satu perlapan ($\frac{1}{8}$). Di samping itu di dalam ayat ke-12 ini juga turut dinyatakan kadar waris kepada saudara seibu iaitu satu perenam ($\frac{1}{6}$) dan satu pertiga ($\frac{1}{3}$). Walaupun hanya dua ayat tetapi ianya padat dengan hukum perwarisan meliputi semua asas hukum faraid, kaedah pembahagian dan sebagainya sehingga dianggap antara ayat teras (*ummahat al-ayat*) daripada ayat-ayat hukum.

Ayat-ayat ini diakhiri dengan peringatan untuk melaksanakan hak wasiat si mati dan melunaskan hak perhutangan, bahkan peringatan mengenai hak wasiat dan hak perhutangan akan diulang setiap kali al-Quran habis menyebut tentang kadar pusaka waris menjadikan peringatan tersebut diulang sebanyak empat kali secara keseluruhan di dalam dua ayat ini. Ia menunjukkan kepentingan hak wasiat dan hak perhutangan sehingga ia diulang beberapa kali sebagai peringatan kepada waris atau pemegang amanah untuk melaksanakannya bagi pihak si mati.

Penelitian secara mendalam ke atas ayat-ayat ini (4:11-12) mendapati, Allah S.W.T. telah menyusun tiga hak harta peninggalan tersebut dengan terlebih dahulu menyebut kadar-kadar pusaka para waris iaitu hak pusaka, diikuti dengan frasa peringatan hak wasiat dan di akhiri dengan hak perhutangan. Sebaliknya jika diteliti perlaksanaan hak-hak ini di dalam kitab-kitab faraid didapati para ulama telah bersepakat mendahulukan hak perhutangan, diikuti hak wasiat, dan seterusnya baharulah dibahagikan bahagian pusaka kepada waris yang berhak. Amalan ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi daripada ^cAli bin Abi Talib r.a telah berkata yang bermaksud: Sesungguhnya nabi Muhammad s.a.w telah memutuskan bahawa membayar hutang itu mendahului wasiat, tetapi kamu (umat baginda s.a.w) membaca (ayat al-Qur'an) bahawa menunaikan wasiat itu sebelum membayar hutang. (al- Tirmidhi, 1937, 4: 378 hadis no. 2122)

Hadis ^cAli bin Abi Talib r.a di atas menjelaskan turutan keutamaan tiga hak harta peninggalan tersebut dalam konteks realiti perlaksanaan. Walau bagaimanapun di dalam al-

Quran turutan tersebut diterbalikkan dengan mendahulukan hak wasiat ke atas hak perhutangan untuk menunjukkan betapa pentingnya kedudukan wasiat sebagai satu hak yang perlu dilaksanakan oleh waris si mati jika benar si mati telah berwasiat mengikut prosedur syarak. Ini kerana perlaksanaan wasiat akan mengurangkan bahagian pusaka waris kerana perlu ditolak sejumlah harta si mati untuk wasiat, lebih-lebih lagi wasiat yang dilaksanakan tidak memberi sebarang pulangan manfaat kepada waris berbanding dengan hak perhutangan si mati yang dilaksanakan dengan tujuan untuk melepas tanggungan si mati. Justeru itu, tidak timbul isu percanggahan perbuatan nabi s.a.w. dan para sahabat r.ah. dengan nas al-Quran. Maka para waris diingatkan agar tidak memandang ringan terhadap wasiat si mati apatah lagi merahsiakannya daripada dilaksanakan.

Syariat Islam meletakkan keadilan sebagai asas perundangannya, maka demi kemaslahatan waris agar si mati tidak menghabiskan hartanya kepada wasiat, Islam telah menetapkan syarat berwasiat dengan kadar tidak melebihi satu pertiga ($1/3$) daripada baki harta selepas menunaikan hak-hak sebelumnya. Manakala baki dua pertiga ($2/3$) lagi adalah bahagian untuk waris-warisi mati. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Amir bin Sa'ad: Wahai Rasulullah s.a.w. bolehkah daku mewasiatkan semua hartaku? Jawab Baginda s.a.w.: "Tidak boleh", aku bertanya lagi: Jika separuh? Jawab Baginda: "Tidak boleh", aku berkata pula: Jika satu pertiga? Baginda lalu bersabda: "Satu pertiga (boleh) dan satu pertiga itu sudah banyak". (Ibn. Hajar, 1986, 5: 428, no. hadis 2742)

Selain daripada syarat di atas, wasiat juga tidak boleh diberikan kepada waris-warisi sendiri kerana waris-warisi telah diberi bahagian-bahagiannya oleh Allah S.W.T di dalam pusaka. Ini juga berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi daripada Abi Umamah al-Bahiliy: Sesungguhnya Allah S.W.T. telah menetapkan setiap waris yang berhak itu sudah ada bahagian-bahagiannya maka tiada lagi wasiat untuk waris-warisi. (al-Tirmidhi, 1937, 4: 376, no. hadis 2120)

Walau bagaimanapun, jika pewaris tetap berazam mahu mewasiatkan hartanya melebihi satu pertiga ($1/3$) atau mewasiatkan hartanya kepada warisnya sendiri, para ulama telah sependapat ia boleh dilaksanakan sekiranya mendapat persetujuan semua waris yang berhak ke atas harta pusakanya.

Kemuncak kepada suruhan Allah S.W.T. di dalam ayat pusaka dan wasiat ini, diakhiri dengan satu ayat (4:13) yang memberi peringatan keras bahawa perlaksanaan hak wasiat dan hak hutang si mati merupakan perintah dan batas-batas-Nya, maka janganlah sesiapa berani melampaui batas-batas itu. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: Segala hukum yang tersebut adalah batas-batas (Syariat) Allah. dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga yang mengalir dari bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan itulah kejayaan yang amat besar. (al-Nisa': 4:13)

Kesimpulan daripada perbincangan mengenai tafsir ayat di atas (4:1-13), umumnya menjelaskan kepentingan menjaga hak-hak golongan lemah seperti anak yatim, kaum wanita dan kanak-kanak. Hak-hak mereka dalam aspek pemilikan harta melalui pusaka dan wasiat perlu dilaksana oleh pihak bertanggungjawab berasaskan manusia itu diciptakan oleh Allah S.W.T. dari Adam a.s. dan Hawa. Pensyariatan pusaka di dalam ayat-ayat ini adalah menifestasi keadilan di dalam syariat Islam. Walau bagaimanapun penentuan kadar- kadar pusaka kepada waris tidak memansuhkan sepenuhnya hukum wasiat dari neraca syariat. Bahkan wasiat telah dijadikan satu instrumen baru bagi memberi peluang kepada si mati membuat kebajikan

berterusan untuk dirinya sendiri selepas kematian dengan membelanjakan sebahagian harta peninggalannya kepada perkara kebaikan. Justeru itu wasiat telah menjadi satu hak-hak harta peninggalan yang perlu dilaksanakan oleh waris apabila berlaku kematian pewaris (si mati). Pelaksanaan wasiat si mati dibuat selepas melunaskan hutang-hutangnya dan sebelum dibahagikan pusaka kepada para waris yang berhak ke atas harta si mati.

Status Wasiat sebagai Hak Harta Peninggalan dalam al-Quran

Seperti yang telah dibincangkan, al-Quran menyebut wasiat dengan berbagai maksud selaras dengan peranan yang dimainkan seperti berpesan dengan kebenaran, melaksanakan amanah, melaksanakan perintah, dan melaksanakan hak wasiat sebagai satu hak-hak harta peninggalan. Penggunaan perkataan wasiat di dalam surah al-Nisa' 4: 11, 12 & 176 ini bermaksud hak wasiat di dalam harta peninggalan si mati. Hak wasiat ini telah melalui proses penambahbaikan secara beransur-ansur sehingga statusnya menjadi satu hak-hak harta peninggalan dan kekal tidak berubah lagi. Ia sebagaimana kronologi hukum ke atas arak yang melalui beberapa fasa perubahan sehingga diharamkan secara putus.

Ketika syariat Islam baru berkembang di Mekah, orang Islam masih mengamalkan wasiat sebagai kaedah membahagi pusaka si mati seperti yang diamalkan oleh orang Arab jahiliah. Di peringkat ini wasiat diberikan kepada sesiapa yang disukai oleh pewasiat tanpa dihadkan penerimanya. Peringkat seterusnya berlaku selepas peristiwa hijrah, di mana kaedah wasiat ini telah ditambah baik dengan menghadkan penerima wasiat kepada kedua ibubapa dan dalam kalangan kaum keluarga sahaja tanpa ditentukan siapa yang lebih berhak. dan tidak terikat dengan kadar-kadar tertentu. Oleh itu, selain daripada kedua ibubapa, wasiat diberi kepada kaum kerabat tetapi ditentukan sendiri oleh pewasiat (si mati) kepada sesiapa yang disukai dan dengan kadar yang diinginkan seperti dijelaskan di dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud: Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajiban atas orang-orang yang bertakwa (al-Baqarah 2: 180).

Sejurus selepas itu, diturunkan pula ayat-ayat pusaka yang lengkap di dalam surah al-Nisa' 4:11,12 dan 176. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, ayat-ayat ini menyentuh tentang waris yang berhak ke atas harta peninggalan si mati dan kadar-kadar pusaka mereka. Penurunannya menyebabkan peranan wasiat di peringkat awal telah diambil alih oleh ayat-ayat pusaka untuk membahagi harta si mati kepada waris yang berhak menurut kadar faraid. Walau bagaimanapun ayat-ayat pusaka ini tidak memansuhkan terus hukum wasiat, bahkan di hujung ayat-ayat ini dijelaskan keperluan menunaikan wasiat dan melunaskan hutang sebagai hak-hak harta peninggalan si mati.

Dengan itu wasiat kekal sebagai satu perkara yang disyariatkan ke atas umat Islam sehingga sekarang. Hikmah pensyariatan pusaka (faraid) dan penukaran status wasiat sebagai satu hak-hak harta peninggalan, hanya diketahui dengan terperinci secara tersurat dan tersirat oleh Allah S.W.T. pencipta manusia. Namun sebagai seorang hamba-Nya yang lemah dan diperintahkan untuk merenung dan membuat pemerhatian, boleh disimpulkan ia bertujuan untuk membantu golongan lemah yang ditindas dan dizalimi di zaman jahiliyyah dan mengembalikan hak-hak mereka di dalam isu pemilikan harta melalui hak pusaka dan wasiat.

Ia turut menangani isu waris mana yang lebih berhak ke atas harta si mati agar tiada satu pihak boleh melewati pihak yang lain.

Kesimpulan

Keseluruhan perbincangan di dalam penulisan ini boleh disimpulkan bahawa dasar agama Islam ialah untuk memberi keadilan kepada semua manusia tanpa mengecualikan mana- mana golongan. Ia terzahir melalui pensyarian hukum wasiat dan pusaka di dalam al- Quran, yang mana telah melalui beberapa fasa atau peringkat perubahan sehingga kekal dan tidak berubah. Bermula dengan pemberian wasiat tanpa syarat, diikuti wasiat yang terbatas kepada ibu bapa dan kaum keluarga sehinggalah diturunkan ayat-ayat pusaka di dalam surah al-Nisa' (4: 11–12). Dengan penurunan ayat-ayat pusaka ini, jumhur ulama berpendapat peranan wasiat telah dimansuhkan. Walaupun begitu, hukum wasiat masih kekal sebagai mekanisme pilihan kepada manusia untuk membuat kebajikan selepas kematian dengan membelanjakan sebahagian hartanya kepada perkara yang baik. Dengan cara ini, kebajikan tersebut akan sampai kepada si mati secara berpanjangan. Justeru itu, ia telah mengubah status dan peranan wasiat menjadi satu hak daripada hak-hak harta peninggalan. Peranan baru wasiat ini sangat penting sebagai mekanisme mengurus harta orang mati.

Masyarakat Islam di Malaysia pada masa ini perlu mempelajari hukum wasiat dan mendalami syarat-syaratnya walaupun asalnya tuntutan tersebut hanyalah fardu kifayah. Ini kerana terdapat kekeliruan kepada orang Islam tentang syarat wasiat seperti dijelaskan di dalam beberapa kajian ilmiah yang telah dijalankan. Antaranya kajian oleh Kasimah Kamaruddin dan Md Yazid Ahmad (2012) mengenai kefahaman orang Islam di Melaka mengenai wasiat, di mana laporan kajian menunjukkan orang Islam paling keliru dengan syarat hanya boleh berwasiat satu pertiga ($\frac{1}{3}$) sahaja daripada harta peninggalan. Begitu juga kajian untuk tesis sarjana di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu oleh Mohd Ali Mohd Yusuf (2013) mengenai pengetahuan masyarakat Islam di Pulau Duyong, Terengganu terhadap hak-hak Harta peninggalan, di mana rumusan kajian menunjukkan hanya sebilangan kecil responden (30% - 32%) yang memberi maklum balas bahawa mereka mereka sangat tahu atau tahu tentang syarat-syarat wasiat iaitu pertama tidak boleh berwasiat melebihi satu pertiga ($\frac{1}{3}$) daripada baki harta peninggalan, dan kedua tidak boleh berwasiat kepada waris sendiri. Ini bermakna majoriti orang Islam masih keliru dengan syarat-syarat wasiat. Sehubungan dengan itu, pihak berwajib perlu memainkan peranan untuk memberikan pendedahan kepada orang Islam mengenai hak wasiat sebagai satu hak-hak harta peninggalan. Seterusnya perbezaan antara hukum wasiat ini dengan produk wasiat & hibah (*wisayah-Islamic entrustment*) yang ditawarkan sebagai alternatif dalam membuat perancangan harta selepas kematian. Ini boleh membantu orang Islam membuat wasiat dengan lebih jelas dan mampu mengelak daripada dieksploitasi oleh mana-mana produk yang hanya mementingkan nilai komersial dan keuntungan semata- mata.

RUJUKAN

Abu Zahrah, Muhammad ibn Ahmad. 1963. *Ahkam al-Tarikat wa al-Mawarith*. (2nd ed.). Cairo: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.

- Abu Zahrah, Muhammad ibn Ahmad. 1950. *Sharh Qanun al-Wasiyyah Dirasah Muqaranah li Masadirihi al-Fiqhiyyah*. (2nd ed.). Cairo: Maktabah al-Anjalo al-Misriyyah.
- Bernama. 2007. "RM40 Billion Unclaimed Cash and Assets Left by the Dead", *New Sunday Time*, 21 January 2007, p.1.
- Bernama. 2010. "Lima Peratus Umat Islam Ada Wasiat", *Utusan Malaysia*, 18 Oktober.
- Bernama. 2011. "Faktor Wasiat Kurang Penting", *Utusan Malaysia*, 5 Mei 2011, p.25.
- al-Fawzan. Salih Fawzan. 2005. *A Summary of Islamic Jurisprudence*, (1st. ed.). Riyadh: al-Maiman Publishing House.
- Ibn al-Qattan, Abu al-Hasan. 2004. *al-Iqna' fi Masa'il al-Ijma'*. (1st. ed.). Cairo: Dar al-Faruq al-Hadithah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. Ahmad ibn 'Ali. 1986. *Fathu al-Bari Maca Sahih al-Bukhari*. Cairo: Dar al-Rayyan Li Turath.
- Ibn. Kathir, Abu al-Fida' Isma'il ibn 'Umar. 1988. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. (1st ed.). Cairo: Dar al-Hadith.
- Ikbal Salam. 2009. "Waspada ketika berwasiat", *Utusan Online*, 22 September 2009, in <http://ww1.utusan.com.my/>.
- Jun Dasima Zainal Abidin. 2007. "Wasiat Hanya Sesuai untuk Bukan Islam", *Berita Harian*, 15 Februari 2007, p.12.
- Kasimah Kamaruddin & Md. Yazid Ahmad. 2012. "Analisis Kefahaman Penulisan Wasiat Orang Islam Negeri Melaka" dalam *Jurnal Islamiyyat*, 34(2012), pp. 71 – 82.
- al-Khafif, 'Ali. 2010. *Ahkam al-Wasiyyah Buhuth Muqaranah Tadammnat Sharh Qanun al-Wasiyyah 71 li Sanah 1946*. (1st ed.). Cairo: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Khin, Mustafa et. al. 1992. *al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab Imam al-Shafi'e*. (3rd ed.). Damascus: Dar al-Qalam.
- Mohd Ali bin Mohd Yusuf. 2013. *Pengetahuan Masyarakat Islam di Pulau Duyong, Terengganu Terhadap Hak-Hak Harta Peninggalan*. Tesis Sarjana Syariah (tidak diterbitkan), Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd Zamro Muda. 2008. "Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia" Kertas Kerja *Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008*, anjuran JAKIM, 7 Ogos 2008.
- Mustafa. Ibrahim et.al. 1972. *al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul, Turkey: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- al-Naisaburi, Abu al-Hassan 'Ali ibn Ahmad al-Wahidi. 1987. *Asbab al-Nuzul*. (3rd ed.). Jeddah: Dar al-Qiblah li al-Thaqafah al-Islamiyyah.
- al-Nasafi, Najmuddin ibn Hafs. 1986. *Talbah al-Talibah fi al-Istilahat al-Fiqhiyyah*. (1st ed.). Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya ibn. Sharf. 1987. *Sahih Muslim bi Sharhi al-Nawawi*. Cairo: Dar al-Rayyan Li Turath.
- Naziree bin Md. Yusof. 2008. "Hukum Wisoyah & Realiti Permasalahannya dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam" dalam *Jurnal Muamalat Bil.1/2008* pp. 73 – 102.
- al-Qaradawi, Yusof. 1981. "'Awamil al-Si'ah wa al-Murunah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah" dalam, t.p. *Wujub Tatbiq al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Riyadh: Jami'ah al-Imam Muhammad ibn Sa'ud al-Islamiyyah, pp.67 – 140.
- al-Qattan, Manna' Khalil. 1995. *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Cairo: Maktabah Wahbah.

- Riyad, Muhammad. 2014. *Ahkam al-Mawarith Baina al-Nazari al-Fiqhiy wa al-Tatbiq al-‘Ilmiy Wifqu Mudawwanah al-Usrah al-Jadidah*, (1st. ed.). Cairo: DarAlkalema.
- al-Sa‘di, ‘Abdul Rahman ibn Nasir. 1978. *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Mekah al-Mukarramah: Muassasah Mekah li al-Taba‘ah wa al- I‘lam.
- Sabiq, al-Sayyid. 1987. *Fiqh al-Sunnah*. (8th ed.). Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabiyy.
- al-Sabuni, Muhammad ‘Ali. 1988. *Qobasun min Nur al-Quran al-Karim*, (2nd ed.). Damascus: Dar al-Qalam.
- al-Sabuni, Muhammad ‘Ali. 1989. *al-Mawarith fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah ‘ala Dau’ie al-Kitab wa al-Sunnah*, Damascus: Dar al-Qalam.
- al-San‘ani, Muhammad ibn. Isma‘il. 1988. *Subul al-Salam*. (1st ed.). Beirut: Dar al-kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Sayuti, Jalaluddin Abu al-Fadhl ‘Abdul Rahman ibn Abu Bakar. 1967. *al-Itqan fi ‘Ulum al-Quran*. Saudi Arabia: Wizarah al-Shu‘un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da‘wah wa al-Irshad.
- Sirman Dahwal. 2009. “Beberapa Masalah Hukum Tentang Wasiat Dalam Konteks Peradilan Agama” in *Journal Kutei*, 17, pp. 1 – 17.
- al-Syalabi, Muhammad Mustafa. 1967. *Ahkam al-Mawarith Bayna al-Fiqh Wa al-Qanun*. Alexandria, Egypt: al-Maktabah al-Misri al-Hadith.
- al-Tabari, Abu Ja‘afar Muhammad ibn Jarir. 1994. *Jami‘ al-Bayan can Ta‘wil Ayat al-Ahkam wa Huwa Tafsir al-Tabari*. (1st ed.). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Tirmidhi, Abu ‘Isa Muhammad ibn. ‘Isa. 1937. *al-Jami‘ al-Sahih wa Huwa Sunan al-Tirmidhi*. (1st ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.